

Malaysia berada di landasan tepat jadi negara berpendapatan tinggi

Keberkesanan usaha kerajaan dalam program pembangunan sosioekonomi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati bahawa Malaysia kini berada di landasan tepat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Pencapaian itu antara lain hasil daripada keberkesanan usaha kerajaan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil serta berterusan bagi pelaksanaan program dan inisiatif pembangunan sosioekonomi dalam memastikan hasilnya dapat dinikmati rakyat.

Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan DOSM, Siti Asiah Ahmad, berkata perkara itu juga dapat dilihat menerusi penurunan Pekali Gini sebanyak 0.003 mata indeks dengan 0.404 mata dicapai pada tahun lalu, berbanding 0.407 yang dilaporkan pada 2019.

Katanya, tahun lalu, dapatan itu sekali gus menunjukkan jurang ketidaksamarataan pendapatan semakin mengecil dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

"Dapat dilihat dalam tempoh berkenaan, beberapa indikator pendapatan menunjukkan penurunan termasuk di kawasan bandar, iaitu daripada 0.398 pada 2019 kepada 0.393. Selain itu, jurang pendapatan di kawasan luar bandar turut mencatatkan penurunan kepada 0.351 mata indeks (2019: 0.367).

"Pekali Gini bagi etnik Bumiputera pula menunjukkan penurunan, iaitu daripada 0.389 kepada 0.387, manakala bagi etnik Cina pula jumlah dicapai ialah 0.412 berbanding 0.417 serta India daripada 0.411 kepada 0.406.

"Dari sudut pengukuran ketidaksamarataan yang lain seperti Indeks Theil dan Indeks Atkinson pula, Indeks Theil bagi pendapatan kasar etnik India lebih tinggi, iaitu 0.332 berbanding Bumiputera dan Cina (0.275 dan 0.310) pada 2022, manakala nilai indeks Atkinson bagi pendapatan kasar pada 2022 lebih kecil, iaitu 0.134 berbanding 0.135 (2019).

"Hal ini disebabkan Indeks At-

kinson memberikan ukuran yang lebih sensitif terhadap perubahan dalam ketidaksamarataan pendapatan atau kekayaan berbanding dengan Pekali Gini dan Indeks Theil," katanya kepada BH, di sini baru-baru ini.

Pekali Gini adalah antara indikator pengukuran ketidaksamarataan yang kerap digunakan bagi kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Nilai Pekali Gini bermula daripada sifar sehingga satu bagi kesamarataan sempurna. Luas antara Keluk Lorenz dan garis kesamaan digunakan untuk mewakili Pekali Gini.

Mengenai HIES yang dilaksanakan secara berkala itu, ia antara lain bagi mendapatkan maklumat berkaitan pola taburan pendapatan, corak perbelanjaan, status kemiskinan dan jurang pendapatan isi rumah di negara ini.

Data yang diperoleh melalui tinjauan itu mampu membantu kerajaan membuat perancangan mahupun pemantauan terutama dalam penyediaan Rancangan Malaysia. Pelaksanaan HIES adalah menggunakan kaedah pensampelan berkebarangkalian yang mewakili populasi 8.4 juta isi rumah persendirian dan daripada jumlah itu sebanyak 7.9 juta isi rumah adalah dalam kalangan warganegara.

Sementara itu, hasil dapatan tinjauan itu juga memperlihatkan had pendapatan bagi kumpulan B40 pada 2022 yang merangkumi 3.16 juta isi rumah adalah RM5,249.

"Selain itu, golongan M40 merangkumi 3.16 juta isi rumah pula adalah di antara RM5,250 hingga RM11,819.

Sementara itu, sebanyak 1.58 juta isi rumah berada di kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM11,819.

"Dari segi agihan pendapatan, T20 memiliki 46.3 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah berbanding 46.8 peratus pada tahun 2019. Sementara itu, 37.6 peratus dimiliki oleh kum-

Jurang ketidaksamarataan pendapatan semakin mengecil dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini

Siti Asiah Ahmad,
Pengarah Kanan
Bahagian
Perangkaan Harga,
Pendapatan dan
Perbelanjaan
DOSM



pulan M40 dan selebihnya 16.1 peratus daripada jumlah pendapatan adalah untuk kumpulan B40," katanya.

Mengenai corak perbelanjaan isi rumah selepas COVID-19, Siti Asiah berkata, berlaku peningkatan pada tahun 2022 terutamanya ketika kerajaan membenarkan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Bagi purata perbelanjaan pada tahun lalu, isi rumah di negara ini berbelanja sebanyak RM5,150 sebulan, iaitu meningkat 3.7 peratus berbanding RM4,609 pada tahun 2019.

"Pengeluaran khas KWSP oleh kerajaan adalah antara sumber penerimaan kepada isi rumah untuk berbelanja dan seterusnya menjadi faktor kepada peningkatan purata perbelanjaan melebihi peningkatan pendapatan purata isi rumah (2.4 peratus) pada 2022.

"Selain daripada itu, berdasarkan peruntukan perbelanjaan yang dibuat isi rumah, bagi komposisi corak perbelanjaan sebanyak 66.9 peratus masih tertumpu kepada empat kumpulan perbelanjaan utama, iaitu perumahan, air, elektrik, sementara gas dan bahan api lain (23.2 peratus), makanan dan minuman bukan alkohol (16.3 peratus), res-

toran dan perkhidmatan penginapan (16.1 peratus) serta pengangkutan (11.3 peratus).

"Komposisi perbelanjaan ke atas kumpulan restoran dan perkhidmatan penginapan meningkat 2.4 mata peratus, iaitu 16.1 peratus (2019: 13.7 peratus). Keadaan ini selari peningkatan perbelanjaan makan di luar kepada 15.3 peratus (2019: 11.2 peratus) dan terdapat penurunan kepada perbelanjaan makanan dan minuman di rumah kepada 16.3 peratus (2019: 16.9 peratus)," katanya.

Dari segi pembelian barangan, Siti Asiah mendedahkan bahan makanan paling popular dibeli isi rumah Malaysia adalah sayuran jenis sawi yang meliputi 57.6 peratus, diikuti lobak merah (54.4 peratus), tomato (54.3 peratus) dan ubi kentang (51.2 peratus).

"Bagi kategori ikan segar pula, kembung menjadi pilihan rakyat di negara ini, iaitu sebanyak 53.4 peratus diikuti selayang (27.6 peratus), cencaru (27.4 peratus) dan siakap (25.4 peratus).

"Bagi pemilihan makanan dan minuman yang sering dipesan ketika makan di luar pula adalah yang berasaskan mi dan pasta, iaitu 91.2 peratus, teh (85.5 peratus), nasi lemak (83.1 peratus) dan nasi ayam atau itik (80.5 peratus)," katanya.

Mengenai kadar kemiskinan yang dapat dikenal pasti dalam tinjauan HIES, Siti Asiah memaklumkan terdapat sedikit peningkatan peratusan terutamanya selepas negara dilanda COVID-19.

Katanya, nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi 2022 adalah RM2,589 berbanding ditetapkan pada 2019 iaitu RM2,208, manakala nilai PGK untuk makanan pula adalah RM1,198 (2019: RM1,169).

"Kadar kemiskinan mutlak pada 2022 pula menunjukkan peningkatan kepada 6.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada 2019. Berdasarkan kepada kajian anggaran kemiskinan yang dijalankan oleh DOSM, insiden kemiskinan Malaysia pada 2020 dan

2021 masing-masing adalah 8.4 peratus dan 8.2 peratus. Kadar kemiskinan mutlak pada 2022 membabitkan anggaran 487,576 isi rumah.

"Bagi kemiskinan di bandar, ia turut meningkat daripada 3.9 peratus pada 2019 kepada 4.5 peratus pada 2022, manakala kawasan luar bandar pula mencatatkan penurunan daripada 12.4 peratus kepada 12 peratus.

"Bilangan isi rumah miskin tegar yang berpendapatan di bawah RM1,198 menurun kepada 0.2 peratus yang membabitkan 18,445 isi rumah berbanding 0.4 peratus (2019). Kesemua negeri kecuali Sabah dan Kelantan mencatatkan peratusan kemiskinan tegar yang rendah, iaitu antara 0 hingga 0.5 peratus, sementara dua negeri itu masing-masing mencatatkan 1.2 peratus dan 0.8 peratus," katanya.

Sementara itu, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) pada 2022 adalah 1.9 peratus berbanding 2.6 peratus (2019) dengan purata intensiti ketersisihan isi rumah pelbagai dimensi 40.9 peratus (2022). Ia menjadikan MPI menurun kepada 0.8 peratus berbanding 1.1 peratus (2019).

"MPI mengikut dimensi pendidikan mencatatkan peratusan isi rumah yang tersisih dari aspek jumlah tahun persekolahan menunjukkan penurunan iaitu daripada satu peratus pada 2019 kepada 0.7 peratus (2022).

"Manakala peratusan ketersisihan kehadiran ke sekolah kekal pada 0.4 peratus. Bagi dimensi kesihatan, indikator akses kepada perkhidmatan kesihatan mencatatkan penambahbaikan daripada 6.5 peratus (2019) kepada 2.3 peratus.

"Indikator kedua bagi dimensi kesihatan, iaitu akses kepada air bersih adalah 3.9 peratus (2019) kepada 3.3 peratus (2022), MPI taraf hidup menunjukkan keadaan yang lebih baik pada 2022 berbanding 2019.

"Akses kepada kutipan sampah mencatatkan peratusan penurunan isi rumah tersisih tertinggi dalam dimensi taraf hidup, iaitu 11.9 peratus berbanding 13.3 peratus (2019). Indikator kemiskinan pelbagai dimensi dapat membantu kerajaan fokus kepada pembangunan dimensi berkaitan, iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan isi rumah," katanya.

Selain HIES, DOSM juga akan menjalankan Banci Pertanian untuk tahun 2024. Bancian yang bertemakan 'Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian' itu boleh dilayari di www.myagri-census.gov bagi mendapatkan maklumat lanjut.

